

05 FEB 1997

Mahathir-Kerahan

KERAHAN TENAGA BELIA ATASI GEJALA SOSIAL

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu bentuk khidmat kerahan tenaga bagi lepasan sekolah akan dilaksanakan sebagai satu daripada cara menangani masalah sosial di kalangan muda-mudi di negara ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan berpendapat pelaksanaan khidmat sedemikian akan dapat membina kekuatan dalaman dalam diri remaja serta menghindar mereka daripada terpengaruh dengan gejala buruk di sekeliling.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan khas dengan wakil agensi unit agama dari seluruh negara bagi membincangkan masalah sosial di kalangan umat Islam, di Pusat Islam di sini.

"Ide ini dibangkitkan oleh seorang daripada wakil yang hadir dan ianya akan dipertimbangkan," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman ketika diminta mengulas mengenai program itu berkata, ia tidak berbentuk seperti angkatan bersenjata semata-mata tetapi merangkumi pelbagai aktiviti yang dapat membentuk peribadi dan ketahanan diri remaja.

Menurut Abdul Hamid, aktiviti seperti kem musim cuti dan pertubuhan kadet yang dilaksanakan masa kini dapat dijadikan sebagai contoh kepada bentuk khidmat kerahan tenaga itu.

Beliau berkata program itu akan diwajibkan kepada semua lepasan sekolah, iaitu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mengisi masa lapang mereka.

Abdul Hamid berkata Kementerian Pendidikan akan membantu dalam pembentukan program itu di samping jabatan-jabatan agama negeri dan agensi kerajaan yang menjadikan gerakan menangani masalah sosial ini sebagai satu gerakan bersepadu dan besar-besaran di seluruh negara.

Dr Mahathir pula ketika ditanya sama ada sistem pendidikan kini tidak begitu berkesan dalam membentuk ketahanan dalaman di kalangan umat Islam berkata, kandungan pengajaran dan cara penyampaian ajaran agama perlu dikaji semula.

"Ianya bukan kegagalan sistem, ianya mungkin kegagalan kandungannya. Apa sebenarnya yang kita ajar semasa kita mengajar agama?. Apakah memadai cuma dengan mengajar orang bagaimana nak sembahyang dan buat ibadat sahaja?," katanya.

Menurut Dr Mahathir, pengajar agama sepatutnya menekankan mengenai cara hidup seseorang Islam, dengan mengutamakan kepada pembentukan perkara tertentu seperti bekerja dan belajar dengan tekun yang bertujuan membentuk peribadi mulia.

Katanya sistem pendidikan agama di sekolah kini mungkin terlalu mengutamakan pengajaran cara-cara sesuatu ibadat sahaja tanpa menekankan perkara-perkara yang dapat membentuk "peribadi yang tahan serangan nafsu".

Perdana Menteri berkata perjumpaan hari ini membincangkan masalah sosial di kalangan umat Islam, memahami masalah dan mencari jalan penyelesaian baginya. Bagaimanapun, katanya, langkah-langkah mengatasinya tidak dibincang secara spesifik.

Semasa sesi dialog, Dr Mahathir berkata kebanyakan peserta memberi maklumat balas mengenai pentingnya peranan ibu bapa dalam membimbing anak-anak.

Ada juga pendapat mengenai pentingnya peranan golongan penasihat kepada pasangan yang akan berkahwin untuk memberi nasihat yang tepat dan membina

dalam membentuk keluarga.

Perdana Menteri berkata beberapa langkah kerajaan untuk menyekat merebaknya gejala sosial seperti mengetatkan penguatkuasaan, mengurangkan jumlah pusat hiburan dan peraturan penutupan pada pukul 1 pagi bagi kelab-kelab malam akan dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah berkenaan.

Katanya peraturan khas berhubung perkara itu belum dibuat tetapi kerajaan negeri diberi panduan untuk mengambil tindakan yang sama.

-- BERNAMA

RAZ HS MAI